



## KENYATAAN SEBUTHARGA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

- a) Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang beralamat **di dalam Daerah Gombak** serta berdaftar dengan Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :-

BIL	NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK	GREED & PENGKHUSUSAN	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK (WAJIB)	HARGA (RM)	TARIKH JUAL DAN TUTUP
1.	MPS/SH/205/16	Cadangan Projek Sistem Solar Di Menara Majlis Perbandaran Selayang, Selangor Darul Ehsan	Berdaftar Dengan CIDB  Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera Yang Masih Sah  Gred G1/G2  Kategori ME  Pengkhususan E04 DAN E06	22 Sept 2016 (Khamis), berkumpul di Lobi Menara, MPS pada jam 9.30 pagi.  <b>(Hanya penama di dalam lesen / pemilik syarikat sahaja yang dibenarkan hadir)</b>	80.00	22/09/2016  hingga  29/09/2016
2.	MPS/SH/200/16	Cadangan Menambahbaik Tapak Semaian Unit Nurseri Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Taman Rimba Bukit Lagong, Selayang, Selangor Darul Ehsan	Berdaftar Dengan CIDB  Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera Yang Masih Sah  Gred G1  Kategori B & CE  Pengkhususan B04 DAN CE21	22 Sept 2016 (Khamis), berkumpul di Pejabat Cawangan Landskap, Unit Nurseri, Bukit Lagong pada jam 11.00 pagi.  <b>(Hanya penama di dalam lesen / pemilik syarikat sahaja yang dibenarkan hadir)</b>	80.00	22/09/2016  hingga  29/09/2016
3.	MPS/SH/209/16	Cadangan Kerja-Kerja Membina Padang Bola Di Rezab Padang Kampung Sungai Bakau, Rawang, Selangor Darul Ehsan	Berdaftar Dengan CIDB  Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera Yang Masih Sah  Gred G1  Kategori CE  Pengkhususan CE14 DAN CE21	22 Sept 2016 (Khamis), berkumpul Tempat Letak Kereta Tesco, Rawang pada jam 2.30 petang.  <b>(Hanya penama di dalam lesen / pemilik syarikat sahaja yang dibenarkan hadir)</b>	80.00	22/09/2016  hingga  29/09/2016

- b) Dokumen Sebutharga boleh didapati di Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 6, Menara Majlis Perbandaran Selayang, dari jam 8.30pagi – 12.45tengahari, 2.15petang – 4.30petang (Isnin– Khamis), 8.30pagi –11.45tengahari, 3.00petang – 4.30petang (Jumaat).
- c) Bayaran dokumen sebutharga akan dikenakan **6% Goods & Services Tax (GST)**. Bayaran boleh dibuat **secara tunai** di Majlis Perbandaran Selayang (bayaran ini tidak akan dikembalikan).
- d) Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil – wakil kontraktor dikehendaki membawa bersama-sama **Surat Wakil Kuasa**.
- e) Kontraktor yang berminat hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL DAN SALINAN** yang masih sah tempoh untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen :
  - i) **Sijil Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**
  - ii) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan**
  - iii) **Sijil Taraf Bumiputera**
  - iv) **Salinan Surat Perakuan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**
- f) Taklimat dan lawatan tapak adalah **diwajibkan** dan akan diadakan pada **22 September 2016 (Khamis)**, bertempat di **Seperti Di Atas**. **Hanya penama di dalam lesen / pemilik syarikat sahaja yang dibenarkan hadir** taklimat dan lawatan tapak serta kehadiran akan dicatatkan sebagai salah satu syarat kelayakan sebutharga.
- g) Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 6, Menara Majlis Perbandaran Selayang, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan** tidak lewat dari jam **12.00** tengahari pada tarikh tutup sebutharga.
- h) Untuk maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan **di talian 03-6126 5838**.

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**